

KAJIAN KEBERKESANAN PROJEK ASNAFPRENEUR UITM CAWANGAN PAHANG DAN MAYBANK ISLAMIC BERHAD (MIB) DALAM KEMENJADIAN USAHAWAN ASNAF

THE EFFECTIVENESS OF THE ASNAFPRENEUR PROJECT BY UITM CAWANGAN PAHANG AND MAYBANK ISLAMIC BERHAD (MIB) IN DEVELOPING ASNAF ENTREPRENEURS

Normilia Abd Wahid¹

Adibah Hussin^{2*}

Nor Hidayatun Abdul Razak³

Suzaini Harmiruslin Supian⁴

Siti Aishah Mohamad⁵

¹Pusat Pengajian Perniagaan Dan Perbankan, UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka, Pahang, Malaysia
(normilia@uitm.edu.my)

²Pusat Pengajian Perniagaan Dan Perbankan, UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka, Pahang, Malaysia
(dibah575@uitm.edu.my)

³Pusat Pengajian Perniagaan Dan Perbankan, UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka, Pahang, Malaysia
(norhidayatun@uitm.edu.my)

⁴Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka, Pahang, Malaysia
(harmiruslin@uitm.edu.my)

⁵Pusat Pengajian Perniagaan Dan Perbankan, UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka, Pahang, Malaysia
(sitia@uitm.edu.my)

*Corresponding Author: dibah575@uitm.edu.my

Article history

Received date : 25-8-2025

Revised date : 26-8-2025

Accepted date : 27-9-2025

Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Abd Wahid, N., Hussin, A., Abdul Razak, N. H., Supian, S. H., & Mohamad, S. A. (2025). Kajian keberkesanan Projek Asnafpreneur UiTM Cawangan Pahang dan Maybank Islamic Berhad (MIB) dalam kemenjadian usahawan asnaf. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 689 – 702.

Abstrak: Projek Asnafpreneur UiTMCPH-MIB adalah satu projek khusus bagi pelajar asnaf UiTMCPH yang bertujuan melatih dan meningkatkan potensi pelajar asnaf terpilih dalam dunia perniagaan sebenar. Pelajar asnaf terpilih ditawarkan salah satu dari tiga (3) perkhidmatan utama iaitu; urutan sukan, spa dan gunting rambut. Kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan projek terhadap kemahiran dan kemampuan pelajar asnaf dalam menjana pendapatan peribadi. Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen laporan sebagai rujukan data kajian. Seramai 70 orang pelajar asnaf telah terlibat dan data yang dilaporkan oleh pelajar secara terperinci telah digunakan bagi menilai keberkesanan projek. Tiga (3) aspek utama yang disasarkan ialah pengetahuan, kemahiran dan penjaan pendapatan para pelajar sepanjang tempoh projek dijalankan. Terdapat hubungan positif antara kemenjadian usahawan asnaf dengan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan dalam menjalankan perniagaan perkhidmatan. Hasil kajian menunjukkan keberkesanan Projek

Asnafpreneur UiTMCPH-MIB dalam menjadikan pelajar-pelajar asnaf sebagai usahawan kecil yang berjaya menjana pendapatan peribadi sepanjang tempoh pengajian. Kemenjadian pelajar-pelajar asnaf ini boleh menjadi contoh kepada pelajar asnaf yang lain. Namun, usaha-usaha penambahbaikan perlu dilakukan oleh pihak UiTMCPH-MIB bagi meningkatkan lagi keberkesanan projek yang akan dijalankan di masa akan datang.

Kata kunci: *Asnafpreneur, Kemenjadian Pelajar, Pelajar Asnaf, Projek Asnafpreneur, Usahawan*

Abstract: *Asnafpreneur UiTMCPH-MIB is a special funded project for asnaf students of UiTMCPH with the aims to train and develop their potential in the real business world. The selected students must select a course offered by the program; sport massage, spa or hairdressing and barbering for their main skill training. This research focuses on the effectiveness of the project towards students' skills and their capability to generate personal income based on their expertise. It applies a quantitative method in which the analysis was produced from the student income reports. A total of 70 asnaf students were involved in this project and the analysis was performed based on the details in reported data. The emphasis was on three main aspects; knowledge, skills and income generation throughout the project execution. There was a positive correlation between asnaf development and knowledge, skills and students' ability to conduct business. The findings discovered the effectiveness of Asnafpreneur UiTMCPH-MIB program in making the students to be entrepreneurs and generate their own personal income during study period. Although these students' development can be an example to other students, certain improvements should be done by UiTMCPH-MIB to increase the effectiveness of the project in the future.*

Keywords: *Asnafpreneur, Student Development, Asnaf Student, Project Asnafpreneur, Entrepreneur*

Pengenalan

Keberkesanan pembangunan usahawan adalah isu yang semakin mendapat perhatian dalam usaha meningkatkan ekonomi dan taraf hidup terutama golongan asnaf. Sepertimana yang dinyatakan di dalam Rancangan Malaysia ke 12 (RMK-12), fokus utama adalah pemerkasaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) secara inklusiviti dan kemampanan (Economic Planning Unit, 2021). Selari juga dengan objektif Ekonomi Madani yang telah dilancarkan pada 27 Julai 2023, kerangka strategi yang praktikal yang memberi akses, latihan, dan peluang untuk membentuk usahawan yang lebih inklusif, inovatif, dan mampan (TheStar, 2024).

Kombinasi kedua-dua dasar ini membuka ruang besar untuk melaksanakan program keusahawanan asnaf melalui pembiayaan, latihan, perhatian inklusif, dan transformasi digital. Usaha pelbagai agensi memberikan akses kepada dana mikro, skim pembiayaan mudah dan zakat produktif bagi memulakan dan mengembangkan perniagaan sangat membantu (Maymunah Ismail, Sharina Shariff, & Harniyati Hussin, 2021, Khairul Azhar Meerangani, Mohd Zaid Mustafar, Mohammad Fahmi Abdul Hamid, & Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz, 2021). Selain latihan dan bimbingan seperti kemahiran teknikal, pengurusan kewangan, pemasaran dan inovasi (Rushda Jamaluddin, Aida Hanim A. Hamid, & Bity Salwana Alias, 2023). Walaubagaimanapun pendigitalan dalam perniagaan juga diberi penekanan terutama galakan penggunaan e-dagang, media sosial dan teknologi bagi meningkatkan daya saing.

Sinergi kedua-dua kerangka ini menyokong usaha membina usahawan berskala Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dan asnaf yang mampu berdikari dalam ekonomi digital dan kompetitif. Walau bagaimanapun, kajian lepas banyak berfokus kepada aktiviti keusahawanan yang dijalankan, namun kurang memberi tumpuan kepada pengukuhan dan impak jangka masa panjang (Mohammad Noorizzuddin Nooh, 2025). Selain kurangnya pemantauan dan bimbingan yang berterusan, menjadi punca kegagalan usahawan asnaf untuk capai kestabilan ekonomi (Hazelina Ayoup, Arifatul Husna Mohd Ariff, Nor Asma Jamaludin, Samihah Ismail & Md Shariff Md Isa, 2023, Akmal Sabarudin, Nur Hannan Lokman, Nahzatush Shimaa Jantan, Nurul Asyikin Zainrudin, Alis Shazmim Abdul Halim & Muhamad Azry Khoiry, 2022). Pelbagai usaha telah dilaksanakan, namun keberkesanan program secara menyeluruh amat sedikit dan tidak dapat menyokong perkembangan keusahawanan PKS dan asnaf terutamanya dalam jangka masa panjang. Pembangunan program keusahawanan berasaskan zakat perlu dinilai sebagai satu isu yang serius, dan tidak boleh ditangani secara bermusim (Mohd Afandi Mat Rania, Muhammad Syahrul Deen Ahmad Rosli, Shofiyyah Moidin, and Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Faezy Adenan & Nurul Farhanah Khairuldin, 2020).

Projek Asnafpreneur diperkenalkan di UiTM Pahang di bawah tajaan Maybank Islamic Berhad (MIB). Pelajar asnaf terpilih ini diberi latihan yang intensif di bawah pemantauan yang berkala daripada mentor. Selain membantu pelajar asnaf ini berkembang bukan sahaja dari aspek kemahiran teknikal termasuklah kemahiran asas dalam bidang SPA, gunting rambut dan urutan sukan, malah pelajar juga digalakkan mempraktikkan secara langsung servis kepada komuniti setempat bagi memenuhi jam latihan juga penjana pendapatan di bawah program berbentuk '*University Social Responsibility*' (USR). Oleh itu kajian ini dilaksanakan untuk melihat sejauh mana keberkesanan Projek Asnafpreneur terhadap kemenjadian usahawan asnaf bagi pelajar UiTM Pahang.

Kajian Literatur

Definisi Asnaf, Asnafpreneur dan Kemenjadian Asnafpreneur

Definisi asnaf

Asnaf merupakan golongan yang layak menerima zakat. Berdasarkan terjemahan ayat ke sembilan surah At-Taubah, terdapat lapan golongan penerima zakat iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, al-riqab, al-gharimin, fisabilillah dan ibnu sabil (Syarifah & Radziah, 2015). Agensi kutipan zakat akan memastikan sama ada seseorang itu layak menerima zakat berdasarkan kriteria yang ditetapkan untuk setiap kategori. Golongan fakir dan miskin merupakan salah satu asnaf yang tergolong dalam kategori asnaf lapan seperti disebutkan dalam Al-Quran. Ulama-ulama mazhab mempunyai kayu ukur tersendiri dalam mendefinisikan dan membezakan asnaf fakir dan miskin. Manakala menurut tafsiran kontemporari, asnaf fakir dan miskin kedua-duanya ialah mereka yang dalam serba kekurangan sama ada mempunyai atau tiada harta dan pekerjaan serta sangat memerlukan bantuan untuk menampung keperluan hidup Azman Ab Rahman, Nur Wahida Lokman, Md Yunus Abd Aziz, Muhammad Firdaus Ab Rahman & Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi, 2022)

Definisi asnafpreneur

Asnafpreneur merujuk kepada usahawan asnaf iaitu golongan asnaf (penerima zakat) yang bertekad untuk menjadi usahawan. Mereka ini mempunyai potensi, kekuatan mental dan fizikal untuk berniaga, tetapi tidak mampu untuk memulakannya kerana kekurangan modal (Leylawati Joremi, Ruhaini Muda, Wan Zuraida Wan Mohd Zain, Nor Azlin Rosli, 2023). Najwa Mohd

Khalil & Shereeza Mohamed Saniff (2022) merujuk asnafpreneur sebagai golongan asnaf yang ditransformasikan daripada kumpulan asnaf fakir dan miskin kepada usahawan. Golongan ini bukan sahaja menerima bantuan modal malahan mereka juga menerima latihan dan kursus dalam bidang keusahawanan.

Asnafpreneur merupakan salah satu inisiatif yang dijalankan oleh UiTM Cawangan Pahang bagi membantu pelajar golongan asnaf untuk menjadi usahawan hasil dari latihan kemahiran yang mendapat pembiayaan dari unit zakat Maybank Islamic Berhad (MIB). Perkataan asnafpreneur yang merupakan gabungan perkataan 'asnaf' dan 'entrepreneur' mempunyai objektif tersendiri iaitu untuk memastikan pelajar-pelajar yang terpilih ini mempunyai kemahiran bukan sahaja dalam bidang latihan yang terpilih, tetapi juga dalam bidang keusahawanan.

Dalam usaha melahirkan asnafpreneur, semua peserta yang terdiri daripada pelajar yang layak menerima zakat dikehendaki mengikuti latihan kemahiran yang dipilih sama ada program spa, gunting rambut atau urutan sukan dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, mereka juga perlu menghadiri bengkel latihan keusahawanan dan jati diri untuk membentuk mereka keluar dari status asnaf. Kesemua latihan ini sangat penting dalam memastikan objektif asal program asnafpreneur tercapai dan membawa manfaat kepada semua peserta yang terlibat.

Definisi kemenjadian asnafpreneur

Dari segi kata terbitan "kemenjadian" bermaksud proses menjadi atau pembentukan sesuatu yang diinginkan. Kemenjadian asnaf pula menekankan proses perkembangan dan transformasi asnaf ke arah kejayaan — bukan hanya hasil, tetapi perjalanan. Pembentukan usahawan dipengaruhi oleh tahap pengetahuan, kemahiran dan keupayaan pelatih keusahawanan (Mohd Hasril Amiruddin, Siti Norain Jafaar & Noorazman Abd Samad, 2017). Menurut Gyapong dan Ofori-Adjei (2010), pembentukan atau kemenjadian usahawan memerlukan sokongan dan dorongan dalam usaha untuk memperoleh kemahiran, kemampuan dan pembangunan diri yang lebih sejahtera.

Dari sudut istilah pula, kemenjadian asnafpreneur itu boleh dilihat dari sudut fokus utamanya melalui proses pembangunan dan perubahan yang berlaku setelah terlibat dalam sebarang aktiviti, program, projek dan sebagainya. Ukuran kemenjadian itu boleh merujuk kepada perubahan sikap, kemahiran dan jati diri asnafpreneur itu sendiri. Ukuran kemenjadian tersebut boleh dikaji melalui data-data atau laporan kemajuan pembangunan insan yang disediakan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam pelbagai aktiviti, program, dan projek yang dijalankan. Skop kajian boleh dilihat dari aspek ekonomi, sosial dan holistik (kesungguhan meneruskan proses perkembangan dan transformasi).

Projek Asnafpreneur - kolaborasi UiTM Pahang & MIB

Kolaborasi industri dan universiti untuk pembangunan keusahawanan dikalangan pelajar universiti

Kolaborasi ini bermaksud satu bentuk kerjasama strategik antara pihak universiti (sebagai pusat ilmu, penyelidikan dan pembangunan modal insan) dengan pihak industri (sebagai pemain pasaran sebenar yang mempunyai pengalaman, sumber dan jaringan). Tujuannya adalah untuk membangunkan pelajar yang berdaya saing, inovatif, dan mampu menjadi usahawan yang kompetitif. Usahawan yang berjaya dipercayai mampu menggunakan pelbagai kemahiran hasil latihan dan mengintegrasikan pengetahuan dalam pelbagai aspek seperti pengurusan, kewangan

serta kepimpinan (Kuratko & Hodgetts, 2017). Antara bentuk kolaborasi termasuk, latihan dan bimbingan, program inkubator, geran dan dana usahawan juga penganjuran pertandingan.

Kolaborasi antara industri dan universiti merupakan satu strategi penting dalam membangunkan modal insan. Gabungan kedua-dua pihak ini dapat melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran keusahawanan yang tinggi dan meningkatkan kebolehpasaran graduan universiti. MIB sebagai penaja memberi dana kepada pelajar untuk menyertai program kemahiran dan UiTM Cawangan Pahang bertindak sebagai pelaksana dalam memastikan semua pelajar terlibat dapat mengikuti program dan latihan yang dibekalkan kepada mereka, dan berjaya menjana pendapatan berdasarkan kemahiran yang diperolehi.

Lembaga Zakat Selangor telah memperkenalkan 8 modul latihan kepada pelajar-pelajar asnaf untuk membantu mereka meningkatkan taraf hidup dan keluar dari golongan asnaf. Salah satu modul yang diajar ialah modul Hijrah Niaga yang memfokuskan kepada latihan keusahawanan (Muhammad Syukri Salleh, Mohamad Salleh Abdullah & Zahri Hamat, 2011)

Human Capital Theory dan Asnafpreneur

Human Capital Theory yang diperkenalkan oleh Schultz (1961) dan dikembangkan oleh Becker (1964) menekankan bahawa pengetahuan, kemahiran, dan keupayaan (abilities) manusia merupakan aset ekonomi yang boleh dipupuk melalui pendidikan, latihan, dan pengalaman kerja. Modal insan yang berkualiti akan meningkatkan produktiviti individu, seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi masyarakat dan negara.

Dalam konteks asnafpreneur, teori ini memberi kerangka untuk memahami bagaimana pelaburan dalam pembangunan pengetahuan, kemahiran, dan keupayaan dapat memacu kemenjadian (keberhasilan, daya tahan, dan kejayaan) mereka sebagai usahawan.

Pengetahuan/knowledge

Merangkumi ilmu keusahawanan, pengurusan kewangan, strategi pemasaran, dan literasi digital. Kajian oleh Nurul Sakinah Nasri (2016) mendapati bahawa lima faktor utama mempengaruhi kejayaan asnafpreneur termasuklah pengetahuan kewangan, latihan, orientasi keusahawanan, inovasi produk/servis, serta strategi pemasaran. Disokong melalui kajian daripada Suriani Saufi, Tuan Samsudin Tuan Noor, Mohd Azim Abu Hasan Shaari, & Sabree Noor (2021), bahawa ilmu pengetahuan berkaitan keusahawanan merupakan antara faktor penting kejayaan asnaf.

Kajian literatur juga menunjukkan bahawa bantuan modal lebih berkesan apabila disertai dengan latihan perniagaan, bimbingan teknikal dan pemantauan berterusan. Di samping itu, kajian lepas membuktikan kemahiran keusahawanan, nilai etika Islam, dan akses kepada rangkaian sosial adalah pemangkin utama kejayaan (Wan Irfan Afifi Wan Mohd Khair, Mohd Faiz Mohamed Yusof, Norazlina Mamat & Azri Bhari. 2025).

Kemahiran/skill

Kemahiran keusahawanan merupakan gabungan kebolehan, sikap, dan pengetahuan yang membolehkan seseorang untuk mengenal pasti, mencipta, dan menguruskan peluang perniagaan. Menurut Abdul Rahman Abdul Aziz (2000), kemahiran merupakan pendidikan formal yang telah diperkembangkan melalui latihan yang sesuai dan pengalaman yang diperolehi daripada kerja yang pernah dilakukan ketika belajar ataupun praktikal. Terdapat beberapa ciri-ciri kemahiran mengenai pembentukan usahawan dalam diri seseorang individu


iaitu daya kreativiti dan inovatif dalam mencipta sesuatu yang baharu dan menyelesaikan masalah dengan akal logik (Mohd Hasril et, al. 2017). Kemahiran pengurusan merupakan salah satu kemahiran penting dalam keusahawanan yang melibatkan kemahiran membuat keputusan, menguruskan masa, kemahiran teknik dan berkomunikasi (Nishanti & Radin Siti Aishah Radin A. Rahman., 2022). Dapatan kajian mendapati pelajar mendapat latihan keusahawanan secara *hands-on* semasa dalam pengajian di universiti dapat membantu mereka menjadi usahawan (Armanurah Mohamad, Nor Aishah Buang & Muhammad Hussin, 2014). Kemahiran keusahawanan merupakan potensi yang ada pada diri pelajar. Pihak Universiti harus mengasah kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar supaya dapat menghasilkan usahawan semasa pengajian dan selepas bergraduasi (Siti Noridayu Abd. Nasir & Hazlina Abdul Halim, 2024). Tahap kemahiran mempunyai kesan yang signifikan terhadap pembentukan usahawan. Kepentingan kemahiran dan kebolehpayaan dalam membentuk jati diri seseorang usahawan perlu dititikberatkan kerana mereka merupakan perintis kepada pembangunan ekonomi negara dan dunia (Norasmah Othman, Mohd Hasril Amiruddin & Haliza Hussein, 2011).

Keupayaan/ability

Keupayaan merujuk kepada potensi dan kebolehan usahawan asnaf untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam persekitaran perniagaan sebenar. Daya tahan (*resilience*), kebolehan menyelesaikan masalah, kreativiti, dan keyakinan diri dibina melalui pengalaman. Kajian Noor Fazreen Mohd Aris, Nurul Fadly Abidin, & Fidlizan Muhammad (2024), dan Muslihah Mohd Munahar, Ismadi Md Badarudin, & Norazman Harun (2024), menyenaraikan keupayaan adalah salah satu faktor dalaman penting dan kritikal dalam model konseptual kepentingan asnaf preneur yang berjaya.

Kerangka Kajian

Tiga pembolehubah utama termasuk; ilmu (*knowledge*), kemahiran (*skill*) dan keupayaan (*ability*) daripada Human Capital Theory dan diterima pakai di dalam kajian Efri Syamsul Bahri, Juhary Ali, & Mohd Mizan Mohammad Aslam (2023). Manakala kemenjadian usahawan asnaf diukur melalui faktor; kesinambungan ilmu, kemahiran dan usaha penjaan secara sepenuh masa (*full time*) dan separuh masa (*part time*).



Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis isi kandungan yang memberi fokus kepada pengiraan atau kedudukan data secara kuantitatif (Cresswell, 2014) melalui instrumen laporan penglibatan pelajar dalam aktiviti projek asnafpreneur UiTMCPH-MIB. Laporan penglibatan pelajar dikawal selia oleh mentor-mentor sepanjang tempoh projek dijalankan. Pengumpulan data adalah melalui laporan terperinci dalam setiap aktiviti yang dihadiri pelajar. Setiap pelajar perlu menandatangani senarai kehadiran dan ia disemak oleh setiap mentor untuk setiap aktiviti. Setiap pelajar pula diwajibkan melaporkan jumlah jam latihan dan penjanaan pendapatan peribadi secara mingguan yang turut disemak dan dipantau oleh mentor. Laporan terperinci ini menjadi pilihan pengkaji kerana ia dapat menunjukkan komitmen setiap pelajar dalam mendapatkan ilmu, mempraktikkan ilmu dan seterusnya menjanakan hasil dari ilmu tersebut. Ilmu yang diberikan adalah dalam bentuk teori dan juga praktikal. Dapatan kajian kes yang dibincangkan adalah memberi fokus kepada kemenjadian pelajar melalui proses mendapatkan ilmu dan mempraktikkan ilmu tersebut bagi menjana sumber pendapatan peribadi sepanjang tempoh pengajian di universiti. Laporan status pelajar selepas tamat tempoh projek turut digunakan bagi menyokong dapatan kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen yang diguna pakai oleh pengkaji bagi mencapai objektif kajian kes ini adalah dengan menggunakan borang laporan kehadiran, jumlah jam latihan dan penjanaan pendapatan pelajar setiap minggu. Borang laporan status pelajar selepas tamat projek turut digunakan. Kebanyakan aktiviti projek melibatkan kehadiran secara fizikal dan ini dengan jelas membuktikan data kehadiran itu boleh digunakan untuk tujuan kajian. Bagi aktiviti latihan praktikal dan juga penjanaan pendapatan, terdapat aktiviti yang dipantau oleh mentor dengan kehadiran fizikal di pusat latihan dan juga latihan aktiviti yang dilakukan sendiri oleh pelajar dengan bukti resit penjanaan pendapatan. Bagi latihan praktikal tanpa pemantauan mentor secara fizikal, jumlah jam latihan yang dilaporkan adalah dengan merujuk kepada senarai nama pelanggan dan bayaran yang dibayar ke akaun pelajar. Oleh itu, jumlah jam latihan yang dilaporkan pelajar adalah sah dengan bukti bayaran tersebut. Data dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu demografi pelajar, laporan kehadiran kursus (aktiviti), laporan latihan praktikal, laporan penjanaan pendapatan dan status pelajar setelah tamat tempoh projek.

Sampel Kajian dan Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data bermula sebaik sahaja aktiviti projek dijalankan. Laporan-laporan aktiviti perlu dilaporkan kepada pihak pemberi dana projek iaitu Maybank Islamic Berhad (MIB) bagi tujuan pemantauan perjalanan aktiviti projek dan keberkesanan aktiviti yang dijalankan. Secara umumnya instrumen kajian adalah hak cipta penyelidik yang merancang, melaksana, memantau dan menyediakan laporan projek untuk rujukan pihak universiti dan penyumbang dana. Sampel kajian adalah melibatkan kesemua pelajar yang menyertai projek iaitu seramai 70 orang pelajar dari beberapa fakulti. Pelajar-pelajar ini telah diberi pilihan untuk menyertai salah satu di antara tiga bidang kemahiran yang ditawarkan iaitu urutan sukan, spa dan gunting rambut. Pelajar-pelajar ini diwajibkan hadir semua kursus yang melibatkan kemahiran dan latihan bagi mencapai matlamat projek. Hasil kajian diukur melalui senarai penglibatan peserta dalam aktiviti projek, jumlah jam latihan yang dihadiri dan jumlah penjanaan yang diperolehi oleh setiap peserta. Ketiga-tiga data ini merupakan asas kepada proses yang telah dilalui oleh setiap peserta dalam mencapai objektif kemenjadian seorang

asnafpreneur di peringkat universiti. Kemenjadian pelajar asnaf dari projek Asnafpreneur UiTMCPH-MIB ini disokong oleh data status pelajar selepas tempoh projek berakhir.

Dapatan Kajian dan Perbahasan

Semua pelajar asnaf yang terlibat perlu mengikuti kursus-kursus kemahiran mengikut bidang masing-masing dan dinilai oleh jurulatih kemahiran yang bertaualiah. Jurulatih tersebut membuat penilaian terhadap keupayaan kemahiran pelajar asnaf bagi memastikan mereka boleh memberikan perkhidmatan yang baik kepada pelanggan. Bagi tujuan analisa data, laporan berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran, dan keupayaan sepanjang tempoh 15 bulan (Mac 2023 - Mei 2024) telah digunakan.

Jadual 1 menunjukkan profil demografi pelajar. 27.1% peserta adalah pelajar lelaki manakala 72.9% lagi adalah pelajar perempuan. Kebanyakan responden adalah pelajar diploma, 68.6 % dan 31.4% lagi pelajar ijazah. Pelajar asnaf ini adalah pelajar dari tujuh fakulti berbeza iaitu 30% daripada Fakulti Pengurusan & Perniagaan, 28.6% daripada Fakulti Sains Gunaan, 24.3% daripada Fakulti Sains Sukan & Rekreasi dan baki 17.1% adalah daripada Fakulti Kejuruteraan Awam, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Fakulti Perakaunan dan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi. Hampir 72% pelajar yang terlibat adalah bukan daripada Fakulti Pengurusan dan Perniagaan. Ini menunjukkan program-program yang berkaitan dengan keusahawanan di universiti boleh diminati oleh semua pelajar lebih-lebih lagi pelajar-pelajar asnaf. Dapatan kajian Bahtiar Jamili Zaini, Mohammad Nizam Sarkawi, Rosnalini Mansor, Abdul Manaf Bohari & Mohd Adil Mustaffa (2021) menunjukkan terdapat kesungguhan pelajar yang tinggi dalam usaha untuk menjadi seorang usahawan dan ini bersesuaian dengan penglibatan pelajar asnaf yang lebih memerlukan peluang perniagaan bagi menjana pendapatan peribadi sepanjang pengajian di universiti.

Jadual 1: Profil Demografi Pelajar Asnaf Preneur

Jantina	Bilangan	Peratus	Kursus	Bilangan	Peratus
Lelaki	19	27.1	AC110	3	4.3
Perempuan	51	72.9	AM110	3	4.3
Fakulti	Bilangan	Peratus	AS117	1	1.4
Fakulti Perladangan & Agroteknologi	2	2.9	AS120	6	8.6
Fakulti Perakaunan	3	4.3	AS201	8	11.4
Fakulti Pengurusan & Perniagaan	21	30	AS203	3	4.3
Fakulti Sains Gunaan	20	28.6	AS222	3	4.3
Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi	3	4.3	AT110	2	2.9
Fakulti Sains Sukan & Rekreasi	17	24.3	BA111	6	8.6
Fakulti Kejuruteraan Awam	4	5.7	BA119	1	1.4
Peringkat Pengajian	Bilangan	Peratus	BA132	6	8.6
Diploma	48	68.60	BA232	8	11.4
Ijazah	22	31.40	EC110	4	5.7
Kampus	Bilangan	Peratus	SR113	16	22.9
Jengka	60	85.70			
Raub	10	14.30			

Kajian Karina Wiramihardja, Varha N'dary, Abdullah Al Mamun, Uma Thevi Munikrishnan, Qing Yang, Anas A. Salamah & Naeem Hayat (2022) menyatakan terdapat hubungan yang positif antara pendidikan keusahawanan terhadap keupayaan mengenalpasti peluang-peluang perniagaan yang ada. Bagi menilai kekerapan penglibatan pelajar asnaf terhadap pengetahuan, kemahiran dan keupayaan pelajar asnaf, data dinilai secara deskriptif bagi ketiga-tiga elemen ini. Bagi elemen pengetahuan, bilangan kursus yang telah dihadiri diambil kira. Terdapat 9 kursus yang disediakan (jadual 2). Terdapat kursus wajib dan kursus pilihan yang perlu dihadiri oleh pelajar-pelajar asnaf. Kursus yang diwajibkan adalah kursus asas spa, gunting rambut dan urutan sukan. Oleh itu, kesemua 70 orang pelajar asnaf diwajibkan menghadiri kursus asas mengikut bidang pilihan masing-masing.

Jadual 2: Senarai Kursus Projek Asnaf Preneur

Bil.	Kursus
1	Kursus asas spa, gunting rambut atau urutan sukan (wajib untuk semua pelajar)
2	Kem Jati Diri
3	Kursus Penubuhan Perniagaan oleh SSM
4	Kursus BMC (INSKEN)
5	Kursus <i>Digital Marketing</i> (INSKEN)
6	Kursus Pengurusan Halal 1
7	Kursus Urus Tunai (INSKEN)
8	Kursus Asas Penyediaan Produk dan Servis (INSKEN)
9	Kursus Pengurusan Halal 2 (MUIP)

Jadual 3 adalah analisis dari segi kekerapan menghadiri kursus, seramai 54 orang pelajar asnaf telah menghadiri 4 ke 7 bilangan kursus (77.1%). Seramai 4 orang pelajar asnaf telah menghadiri 8 - 9 kursus dan 12 orang pelajar asnaf telah menghadiri 1 - 3 kursus. Ini kerana terdapat kursus pilihan yang terhad dari segi penyertaan. Oleh itu, bagi pelajar yang tidak terlibat dengan sebarang aktiviti universiti telah ditetapkan untuk terlibat dalam kursus yang disediakan oleh pihak INSKEN, MUIP dan SSM. Kekangan dari segi tarikh kursus dan penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti universiti pada tarikh yang sama menyebabkan kekurangan kekerapan menghadiri kursus-kursus pilihan yang dijalankan.

Jadual 3: Bilangan Kursus Dihadiri

Bilangan Kursus yang telah Dihadiri	Bilangan	Peratus
1 - 3 Kursus	12	17.1
4 - 7 Kursus	54	77.1
8 - 9 kursus	4	5.8
Jumlah	70	100

Bagi menilai kemahiran pelajar asnaf ini, Jadual 4 menunjukkan mereka perlu melengkapkan jam latihan dengan memberi servis sekurangnya 100 jam. Dari 70 orang pelajar asnaf, 91.4% pelajar asnaf telah berjaya melengkapkan 100 jam latihan, malahan majoriti dari mereka mempunyai jumlah jam latihan antara 100 - 150 jam. Bagi peserta yang mempunyai jam latihan di bawah 100 jam, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi membantu pelajar tersebut. Antara faktor penyumbang adalah kurang motivasi diri dan sikap pelajar itu sendiri. Kajian Bahtiar Jamili Zaini et al. (2021) mendapati pelajar asnaf mempunyai keinginan untuk membuka perniagaan sendiri sekiranya diberi peluang dan sumber perniagaan. Walaubagaimanapun,

masalah sikap menyebabkan terdapatnya pelajar asnaf yang tidak memenuhi jam latihan yang diperlukan untuk kursus-kursus yang disediakan. Walaupun kursus motivasi turut dijalankan, masih terdapat pelajar yang tidak menggunakan peluang dan sumber yang diberikan sepenuhnya seperti di Jadual 4.

Jadual 4: Jumlah Jam Latihan

Jumlah Jam Latihan	Bilangan	Peratus
Kurang 100 jam	6	8.6
100-150 jam	37	52.9
151-200 jam	20	28.6
Lebih 200 jam	7	10
Jumlah	70	100

Manakala bagi pembolehubah keupayaan, ia dinilai dari keupayaan pelajar asnaf menjana pendapatan peribadi dalam menjalankan servis spa, gunting rambut atau urutan sukan. Data daripada Jadual 5 menunjukkan 78.6% pelajar mampu menjana pendapatan melebihi RM1,000 sepanjang tempoh pemantauan malahan terdapat pelajar yang mampu menjana pendapatan sebanyak RM20,500. Ini menunjukkan bahawa pelajar asnaf ini mampu mengaplikasikan kemahiran yang mereka perolehi untuk menjana pendapatan mereka sendiri. Pelajar asnaf yang komited akan melakukan sesuatu melangkaui jangkaan (Ibni Umar Abdul Aziz Iswady Fazly, 2025) sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5, seramai 3 orang pelajar berjaya menjana pendapatan peribadi melebihi RM10,000 sepanjang tempoh projek berlangsung. Seramai 15 orang pelajar asnaf tidak menunjukkan kesungguhan dalam menjana pendapatan peribadi dan ini memerlukan tindakan selanjutnya dari pihak universiti bagi menangani masalah sebegini di masa akan datang.

Jadual 5: Jumlah Penjanaan Pendapatan Peribadi

Jumlah Pendapatan	Bilangan	Peratus
Kurang dari RM1000	15	21.4
RM1000-RM1500	13	18.6
RM1501-RM2000	15	21.4
RM2001-RM4000	16	22.8
RM4001-RM6000	4	5.7
RM6001-RM8000	2	2.9
RM8001-RM10000	2	2.9
Lebih dari RM10000	3	4.3
Jumlah	70	100

Kajian Zubair Hassan, Muneeb Khan Lashari & Abdul Basit (2020) yang mendapati pendidikan keusahawanan secara formal membantu pelajar merealisasikan peluang keusahawanan sedia ada mahupun membangunkan peluang perniagaan baru. Ia berkait rapat dengan kemenjadian pelajar di mana melalui kursus-kursus keusahawanan yang dihadiri, mereka mampu meneruskan perkhidmatan sedia ada. Kemenjadian diri asnafpreneur diukur dari maklumbalas yang diberikan pelajar dalam meneruskan perkhidmatan; berapa ramai yang meneruskan kemahiran atau tidak meneruskan kemahiran seperti di Jadual 6. Bagi elemen kemenjadian, 62.8 % pelajar meneruskan perkhidmatan samada spa, gunting rambut atau urutan sukan.

Pelajar asnaf ini adalah mereka yang telah tamat pengajian, berhenti pengajian atau masih belum tamat pengajian. Namun begitu, peratus pelajar yang tidak memberikan maklumat terkini juga agak tinggi, iaitu 30.1%. Oleh itu, kemungkinan pelajar ini sebenarnya masih meneruskan perkhidmatan mereka dan bilangan sebenarnya yang meneruskan perkhidmatan kemungkinan adalah lebih besar.

Jadual 6: Status Penglibatan Pelajar Dalam Keusahawanan

Status Terkini	Bilangan	Peratus
Tamat Pengajian/Meneruskan Perkhidmatan	33	47.1
Tamat Pengajian/Tiada Maklumat	18	25.8
Tamat Pengajian/Tidak Meneruskan Perkhidmatan	3	4.3
Henti Pengajian/Meneruskan Perkhidmatan	1	1.4
Henti Pengajian/Tidak Meneruskan Perkhidmatan	1	1.4
Belum Tamat Pengajian/Meneruskan Perkhidmatan	10	14.3
Belum Tamat Pengajian/Tidak Meneruskan Perkhidmatan	1	1.4
Belum Tamat Pengajian/Tiada Maklumat	3	4.3
Jumlah	70	100

Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara pengetahuan, kemahiran, keupayaan dan kemenjadian pelajar asnaf bagi Projek Asnafpreneur UiTMCPH-MIB. Jadual 7 menunjukkan analisa korelasi pearson yang telah dijalankan ke atas keempat-empat elemen; kemenjadian, pengetahuan, kemahiran dan keupayaan pelajar asnaf.

Jadual 7: Kemenjadian Pelajar Asnaf Sebagai Usahawan

Pembolehubah	1	2	3	4
1. Kemenjadian	-			
2. Pengetahuan	0.530*	-		
3. Kemahiran	0.299*	0.260*	-	
4. Keupayaan	0.296*	0.035	0.500*	-

Note. **, *korelasi signifikan pada tahap 0.01 dan 0.05.

Analisa korelasi pearson menunjukkan hubungan positif yang signifikan antara faktor pengetahuan dan kemenjadian ($r = 0.530, p < .01$). Begitu juga elemen kemahiran mempunyai hubungan yang positif dengan kemenjadian ($r = 0.299, p < .05$). Bagi elemen keupayaan juga mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kemenjadian pelajar sebagai usahawan ($r = 0.296, p < .05$). Hasil analisa ini menunjukkan bahawa kemenjadian pelajar sebagai usahawan adalah berkait rapat dengan kekerapan mereka dalam mendapatkan pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan berkeupayaan untuk menjana pendapatan peribadi melalui perkhidmatan yang ditawarkan.

Kesimpulan

Kemenjadian pelajar asnaf sebagai usahawan melibatkan kesungguhan dalam mendapatkan ilmu, kemahiran dan keupayaan dalam melaksanakan apa yang telah diperolehi. Setiap ilmu perlu digunakan dengan sebaik mungkin dan diikuti dengan peningkatan kemahiran dari semasa ke semasa. Adalah menjadi harapan kepada pihak penyumbang dana dan juga universiti,

peluang yang diberikan itu digunakan sebaik mungkin oleh pelajar-pelajar asnaf yang terlibat dalam projek Asnafpreneur UiTMCPH-MIB. Manfaatnya adalah kepada pelajar asnaf itu sendiri dan kejayaan mereka dalam mencapai matlamat penajaan peribadi dan menjadi contoh kepada pelajar asnaf yang lain. Adalah diharapkan juga kejayaan yang dicapai diteruskan dan mampu membawa mereka keluar dari status asnaf di samping dapat membantu pelajar asnaf yang lain di masa hadapan. Kerjasama antara pihak universiti dan industri secara berterusan dijangka dapat memberi peluang yang lebih banyak dalam membantu meningkatkan penglibatan pelajar asnaf di peringkat universiti dalam keusahawanan. Ia turut memberi ruang kepada peningkatan ekonomi sosial golongan asnaf.

Penghargaan

Setinggi penghargaan kepada UiTM Cawangan Pahang (UiTMCPH) dan Maybank Islamic Berhad (MIB) di atas kepercayaan dan sokongan bagi Projek Asnafpreneur UiTMCPH-MIB. Jutaan terima kasih buat MIB selaku penaja utama bagi Projek Asnafpreneur. Segala pandangan dan kesimpulan dalam artikel ini adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya dan tidak mencerminkan pandangan rasmi UiTMCPH dan MIB selaku pihak penaja.

Rujukan

- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2000). *Kemahiran Sosial Asas*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd
- Akmal Sabarudin, Nur Hannan Lokman, Nahzatush Shima Jantan, Nurul Asyikin Zainrudin, Alisshazmim Abdul Halim & Muhamad Azry Khoiry. (2022). Tinjauan Keberkesanan Program Keusahawanan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terhadap Kebolehpasaran Graduan Menurut Perspektif Alumni UKM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(2), e001272. e-ISSN: 2504-8562. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1272>.
- Armanurah Mohamad, Nor Aishah Buang & Muhammad Hussin. (2014). Memformulasikan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi ke Arah Kerjaya Usahawan. *Prosiding Perkem ke-9* 433 – 441.
- Azman Ab Rahman , Nur Wahida Lokman , Md Yunus Abd Aziz , Muhammad Firdaus Ab Rahman & Hussein ‘Azeemi Abdullah Thaidi. (2022) Expansion of Asnaf Fakir and Miskin’s Interpretation in A Pandemic Context In Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, ISSN: 2232-1047.
- Bahtiar Jamili Zaini, Mohammad Nizam Sarkawi, Rosnalini Mansor, Abdul Manaf Bohari, Mohd Adil Mustaffa (2021). Analisis terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar asnaf IPT terhadap keusahawanan. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 3(1), 65-73.
- Becker, G. S. (1964). *Human Capital: A Theoretical and Empirical Analysis, with Special Reference to Education*. New York: National Bureau of Economic Research; distributed by Columbia University Press.
- Creswell, J.W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Los Angeles: Sage Publications.
- Economic Planning Unit, Prime Minister’s Department. (2021). Ringkasan Eksekutif Rancangan Malaysia Ke-12: Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan (2021–2025). Penerbit Rasmi. Retrieved at <https://govdocs.sinarproject.org/documents/prime-ministers-department/economic-planning-unit/rancangan-malaysia-kedua-belas-rmk-12/ringkasan-eksekutif-rmk-12.pdf?utm>

- Efri Syamsul Bahri, Juhary Ali, Mohd Mizan Mohammad Aslam. (2023). Successful of Asnaf Entrepreneur: The Role of Knowledge, Skills, and Ability. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 4(3), 1-22. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol4no3.111>
- Gyapong, J. O. & D. Ofori-Adjei. (2011). Capacity Building for Relevant Health Research in Developing Counties. Accra, Ghana: Health Research Unit Ghana Health Service. Dalam [free-books-online.net/Capacity-Building-for-Relevant-Health Research in Developing Countries.pdf](http://free-books-online.net/Capacity-Building-for-Relevant-Health-Research-in-Developing-Countries.pdf).
- Hazelina Ayoup, Arifatul Husna Mohd Ariff, Nor Asma Jamaludin, Samihah Ismail & Md Shariff Md Isa. (2023). Pulangan Sosial Atas Pelaburan: Kajian Impak Skim Agihan Zakat Bantuan Jayadiri Asnaf di Negeri Kedah. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 4 (1), 39–56. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol4no1.125>
- Ibni Umar Abdul Aziz Iswady Fazly (2025). Meneroka perjalanan keusahawanan pelajar asnaf: Pengajaran daripada model perniagaan Genba Bakery di Universiti Sains Islam Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 28(1), 265-269 <https://doi.org/10.17576/personalia.2801.2025.28> ISSN 0128-2735.
- Karina Wiramihardja, Varha N'dary, Abdullah Al Mamun, Uma Thevi Munikrishnan, Qing Yang, Anas A. Salamah & Naem Hayat. (2022). Sustainable Economic Development Through Entrepreneurship: A Study on Attitude, Opportunity Recognition, and Entrepreneurial Intention Among University Students in Malaysia. *Frontiers in Psychology*, 1-13. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.866753>
- Khairul Azhar Meerangani, Mohd Zaid Mustafar, Mohammad Fahmi Abdul Hamid, Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz, 2021. Keberkesanan Model Transformasi Usahawan Asnaf Oleh Lembaga Zakat Selangor di dalam Muhammad Ikhlas, Rosele, Mohamad Noor Sahidi Johari, Muhsin Nor Paizin (Eds), *Dimensi Baharu Zakat Di Malaysia* (pp 303-325). AZKA-PPZ.
- Kuratko, D. F., & Hodgetts, R. M. (2017). *Entrepreneurship: Theory, Process, and Practice*. Boston: Cengage Learning.
- Leylawati Joremi, Ruhaini Muda, Wan Zuraida Wan Mohd Zain, Nor Azlin Rosli.(2023). The Challenges of Asnaf Entrepreneurs in Forming Entrepreneurial Resilience. *Information Management and Business Review*, Vol. 15, No. 3, pp. 242-252, ISSN 2220-379.
- Maymunah Ismail, Sharina Shariff & Harniyati Hussin. (2021). Pemerkasaan Program Pembangunan Ekonomi Usahawan Asnaf Melalui Dana Zakat. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*; Vol 3 (2), 52-65. eISSN: 2590-3942
- Mohammad Noorizzuddin Nooh. (2025). Peranan Zakat dalam Membantu Asnaf Menjalankan Perniagaan di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur Kritikal. *Journal of Management and Muamalah*, 15(1), 20-37. <https://doi.org/10.53840/jmm.v15i1.199>
- Mohd Afandi Mat Rania, Muhammad Syahrul Deen Ahmad Rosli, Shofiyyah Moidin, and Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Faezy Adenan & Nurul Farhanah Khairuldin. (2020). Pembangunan keusahawanan asnaf luar bandar di Negeri Pahang. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 2 (1). 48-60. ISSN 2590-3942
- Mohd Hasril Amiruddin, Siti Norain Jafaar & Noorazman Abd Samad (2017). Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Kebolehpayaan Pelatih Pendawaian Elektrik dalam Pembentukan Usahawan Teknikal Di Giatmara Negeri Johor. *Sains Humanika*, 109–117.
- Muhammad Syukri Salleh, Mohamad Salleh Abdullah & Zahri Hamat. (2011) *Transformasi Zakat: Daripada Zakat Saradiri Kepada Zakat Produktif* (Edisi 1). Pulau Pinang: ISDEV
- Muslihah Mohd Munahar, Ismadi Md Badarudin & Norazman Harun, 2024. The Study Of Characteristics Of Successful Asnafpreneurs in Southern Malaysia. *Information Management and Business Review*, 16 (3S (a)), 17-27. ISSN 2220-3796.

- Najwa Mohd Khalil & Shereeza Mohamed Saniff & (2022). Hala Tuju Transformasi Usahawan Asnaf oleh Institusi Zakat Malaysia: Satu Penerokaan Awal. *Azka International Journal of Zakat & Social Finance*, Vol 3, No 3, 67-78.
- Nishanti Hari Chandra Rao, Radin Siti Aishah Radin A. Rahman. (2022). Pengaruh Sikap dan Kemahiran Keusahawanan terhadap Keinginan Keusahawanan dalam kalangan pelajar Universiti Awam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), 133-141.
- Noor Fazreen Mohd Aris, Nurul Fadly Abidin & Fidlizan Muhammad. (2024). The Success Factors Of Asnaf Entrepreneurs: A Systematic Literature Review (SLR). *ASEAN Entrepreneurship Journal*, 10(3), 31-38. E-ISSN 2637-0301
- Norasmah Othman, Mohd Hasril Amiruddin & Haliza Hussein. (2011). Entrepreneurial Behaviour and Non-Cognitive Entrepreneurship Knowledge Among the Orang Asli Youths from the South Zone of Peninsular Malaysia. 10th WSEAS International Conference on Education And Educational Technology (EDU '11).
- Nurul Sakinah Nasri. (2016). A study on factor of the business success among entrepreneurial asnaf. Unpublished. Retrieved at <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/87358>
- Rohani M.M., & Yusoff, A. S. (2015). Tahap Kesiediaan Pelajar Dalam Penggunaan Teknologi, Pedagogi, Dan Kandungan (TPACK) Dalam Pembelajaran Kurikulum di IPT. *Proceeding of the 3rd International Conference on Artificial Intelligence and Computer Science*, Pulau Pinang.
- Schultz, T. W. (1961). Investment in human capital. *American Economic Review*, 51(1), 1–17. Retrieved at JSTOR https://www.jstor.org/stable/1818907?utm_source=chatgpt.com
- Siti Noridayu Abd. Nasir & Hazlina Abdul Halim. (2024). Tujuan, Kepentingan dan Kesan Penerapan Kemahiran Insaniah (softskill) dalam Pengajaran Subjek Usahawan Siswa di Universiti Putra Malaysia: Analisis Psikolinguistik. *Jurnal Ilmi*, 14(1), 175-187.
- Suriani Saufi, Tuan Samsudin Tuan Noor, Mohd Azim Abu Hasan Shaari, & Sabree Noor. (2021). Faktor-Faktor Yang Boleh Mempengaruhi Kejayaan Usahawan Di Kalangan Asnaf Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management*, 1(2), 61–67. <https://doi.org/10.53840/almimbar.v1i2.25>
- Syarifah Md Yusof & Radziah Md. Tahir. (2015). Analisis Tafsiran Al-Gharimin di Malaysia. *International Journal of Management Studies*, 2, 81-100.
- TheStar, 2024. Madani economy framework will boost MSME sector, says Ramanan. Retrieved at <https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/13/madani-economy-framework-will-boost-msme-sector-says-ramanan?utm>
- Wan Irfan Afifi Wan Mohd Khair, Mohd Faiz Mohamed Yusof, Norazlina Mamat & Azri Bhari (2025). Capital Assistance To Asnaf Entrepreneurs: A Systematic Literature Review. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 34(04), 244–261. <https://doi.org/10.64757/alqanatir.2025.3404/1169>
- Wiramihardja K, N'dary V, Al Mamun A, Munikrishnan UT, Yang Q, Salamah AA and Hayat N (2022). Sustainable economic development through entrepreneurship: A study on attitude, opportunity recognition, and entrepreneurial intention among university students in Malaysia. *Front. Psychol.* 13:866753. doi: 10.3389/fpsyg.2022.866753.
- Zubair Hassan, Muneeb Khan Lashari & Abdul Basit. (2021). Cultivating entrepreneurial culture among students in Malaysia. *Entrepreneurial Business and Economics Review*, 9(1), 119–135. <https://doi.org/10.15678/EBER.2021.090108>